

## **Pengundi Kajang jadi alat mainan politik pembangkang**

**Free Malaysia Today**

**24 March 2014**

**Oleh Adam Abu Bakar**

PETALING JAYA: Kolumnis Awang Selamat pojok rasmi akhbar Utusan Malaysia hari ini mengkritik pengundi Kajang kerana merelakan diri mereka menjadi alat mainan politik pembangkang dengan memilih Presiden PKR Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail sebagai adun Kajang yang baharu.

Malahan beliau turut menyelar tindakan pembangkang yang mengembar-gemburkan bahawa demokrasi telah mati.

“Sistem itu jugalah yang dimanipulasi oleh pembangkang untuk memaksa diadakan sebuah pilihan raya kecil (PRK) atas alasan bagi menyelesaikan kemelut politik dalaman parti,” katanya.

Tambahnya, tanpa segan-silu, puak-puak pembangkang ini bermati-matian berkempen untuk PRK yang diciptakan oleh mereka sendiri.

Jelasnya lagi, alasan awal telah dilupakan, malahan, slogan ‘Dari Kajang ke Putrajaya’ pula dilaungkan, seolah-olah mengiyakan tanggapan banyak pihak bahawa perletakan jawatan wakil rakyat PKR yang sihat walafiat itu hanyalah untuk memberi laluan kepada cita-cita politik Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sistem demokrasi yang asalnya bertujuan untuk memilih wakil rakyat yang akan berkhidmat untuk rakyat kini ditukar fungsinya untuk menghalalkan matlamat politik parti dan peribadi.

“Mereka memberikan kemenangan kepada parti yang mempermainkan gelaran Yang Berhormat dan mengetepikan calon dan parti yang bersungguh-sungguh mahu berkhidmat,”ujarnya.

“Siapa yang membunuh demokrasi?,” soalnya.

Semalam dalam PRK Kajang, calon PKR, Wan Azizah berjaya memungut sebanyak 16,741 undi, manakala calon BN yang juga merupakan Naib Presiden MCA, Chew Mei Fun mendapat 11,362 undi.

Wan Azizah memenangi pilihanraya tersebut dengan majoriti 5,379 undi.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source:

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/24/pengundi-kajang-jadi-alat-mainan-politik-pembangkang/>